

20000011629

**APLIKASI PERISIAN LANGGAN UNTUK PROSES CARIAN  
RESMI PERKHIDMATAN KAUNTER JABATAN UKUR**

OLEH :

**MUSTAFA BIN YAACOB**

DISAMPAIKAN KEPADA JABATAN SAINS UKUR DAN GEOMATIK  
SEBAGAI MEMENUHI SALAH SATU SYARAT PENGANUGERAHAN  
DIPLOMA LANJUTAN SAINS UKUR DAN GEOMATIK DARI PADA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

**JABATAN SAINS UKUR DAN GEOMATIK  
KAJIAN KEJURUTERAAN  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**MEI 1996**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi saya mengatur kesyukuran kepada Allah (s.w.t) kerana dengan izinNya dapat menyiapkan Projek Semester Akhir yang merupakan salah satu syarat penganugerahan Diploma Lanjutan Sains Ukur dan Geomatik.

Pada kesempatan ini saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada seluruh pensyarah dan kakitangan Jabatan Sains Ukur dan Geomatik yang telah lama mencurahkan tenaga dan bakti sepanjang pengajian, khasnya kepada penasihat projek Dr. Noordin bin Ahmad dan En Hilmie bin Othman selaku koordinator projek di atas segala komen dan bantuselia sepanjang projek ini. Tidak dilupakan kepada En Hisham bin Hussin dari unit CDS, Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor, Kakitangan Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu dan Seksyen Kartografi, Ibu Pejabat Jabatan Ukur yang telah memberi bantuan dan sokongan dari segi peralatan dan data. Akhir sekali setinggi penghargaan kepada seluruh keluarga di atas dorongan dan komitmen serta pengorbanan terutamanya isteri dan anak-anak, semoga semua khidmat bakti ini dikira oleh Allah sebagai amalan yang soleh.

Wallahu 'allam.

## **ABSTRAK**

Proses Carian Resmi dan penjualan salinan dokumen ukur dijalankan di Jabatan Ukur melalui perkhidmatan kaunter. Buat masa ini ianya dijalankan secara manual di mana carian terhadap lot yang dikehendaki di atas Syit Piawai adalah berdasarkan nombor lot dan mukim yang berkaitan. Butiran lot yang berkaitan kemudiannya didapati dari daftar mukim yang disimpan di Bilik Kebal. Proses penjualan salinan dokumen pula dilakukan dengan membuat salinan fotostat bagi Pelan Akui dan "cetakan matahari" (sun print) untuk salinan Syit Piawai.

Tumpuan projek ini ialah untuk mengkaji proses Carian Resmi dan penjualan salinan dokumen supaya dapat dilakukan secara pengkomputeran dengan membentuk satu model perisian langgan berorientasikan konsep Sistem Maklumat Geografi.

Peringkat awalannya ialah penyediaan data digital melalui proses penukaran data secara imbasan, papan kekunci dan pendigitan termasuklah penyuntingan. Pemodelan pengkalan data dibangunkan supaya data

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iv</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>x</b>

<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>MUKASURAT</b>
1.0 PENDAHULUAN	1
1.1 OBJEKTIF PROJEK	2
1.2 SKOP KAJIAN	2
1.3 METODOLOGI	3
1.4 KEPENTINGAN	4
1.5 HASIL PROJEK	4
1.6 KANDUNGAN PENULISAN	5-6
<b>BAB 2 CARIAN RESMI</b>	
2.0 PENDAHULUAN	8
2.1 OBJEKTIF JABATAN	9
2.2 FUNGSI JABATAN	9
2.3 ORGANISASI JUPN	10
2.4 PENYEDIAAN DOKUMEN JABATAN	11
2.4.1 PENDAFTARAN NOMBOR LOT	11-15
2.4.2 PELAN AKUI	15-16
2.4.3 SYIT PIAWAI	16-17

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Perkhidmatan Kaunter Jabatan Ukur adalah merupakan saluran kepada pelanggan untuk mendapatkan maklumat ukur. Buat masa ini proses Carian Resmi dan penjualan salinan dokumen di kaunter masih lagi menggunakan secara manual iaitu perkhidmatan diberi melalui penyelia kaunter, Penyelia Bilik Kebal, Pegawai Kaunter dan pelanggan. Apa yang ditekankan dalam projek ini ialah perkhidmatan tersebut akan dibuat secara pengkomputeran berasaskan konsep GIS.

Projek ini adalah kesinambungan dari wawasan Jabatan untuk melaksanakan konsep GIS secara menyeluruh diperingkat jabatan khasnya. Tambahan pula hasrat kerajaan untuk memajukan teknologi maklumat.

Sasaran utama projek adalah . Cawangan Sistem Maklumat iaitu kakitangan Unit Perkhidmatan Teknik yang memberi perkhidmatan kaunter. Kakitangan unit ini terdiri dari